

Akaun Pelaburan Mudarabah tawar pulangan lebih tinggi

» Maybank Islamic lancar secara rasmi produk baharu 16 Jun

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Akaun Pelaburan Mudarabah (IA) yang bakal dilancarkan secara rasmi oleh Maybank Islamic Bhd pada 16 Jun ini, menawarkan potensi pulangan yang lebih tinggi berbanding akaun deposit.

Pemegang akaun berkenaan juga berpeluang menikmati manfaat lain seperti membuat pelaburan atau pengeluaran pada bila-bila masa tanpa sebarang penalti, melaksanakan transaksi dalam talian dan menikmati kemudahan cek.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Nor Shahrizan Sulaiman, berkata pengenalan IA sejajar dengan peraturan baharu di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) yang membezakan akaun pelaburan dan de-

posit Islam.

Katanya, berdasarkan peraturan baharu itu, produk berasaskan Mudarabah (perkongsi keuntungan), Musharakah (perkongsi keuntungan dan kerugian) dan Wakalah (agensi) yang prinsipalnya (wang simpanan) tidak dijamin, akan diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan.

Beliau berkata, produk berasaskan Wadiah (simpanan terjamin), Murabahah (jualan dengan tambahan keuntungan) dan Qard (pinjaman) yang prinsipalnya dijamin oleh bank, akan diklasifikasikan sebagai Deposit Islam.

"Justeru, akaun berasaskan Mudarabah akan ditukar dan diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan. Notis sudah dihantar kepada pelanggan produk berkenaan bermula 10 April lalu dan persetujuan diperlukan untuk pertukaran klasifikasi," katanya kepada BH ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tempoh sehingga 31 Mei

Nor Shahrizan berkata, pemegang akaun berkenaan mempunyai tempoh sehingga 31 Mei ini

Akaun berasaskan Mudarabah akan ditukar dan diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan. Notis sudah dihantar kepada pelanggan produk berkenaan bermula 10 April lalu"

Nor Shahrizan Sulaiman,
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif Maybank Islamic



untuk secara rasmi bersetuju memilih IA atau sebaliknya sebelum ia dikuatkuasakan 16 Jun ini.

Katanya, jika Maybank Islamic tidak menerima sebarang jawapan sehingga 31 Mei ini,

akaun pemegang Akaun Mudarabah sedia ada akan ditukar secara automatik kepada akaun semasa dan akaun simpanan berasaskan Wadiah atau akaun Deposit Tetap-i berasaskan Ko-

moditi Murabahah.

Beliau berkata, bagi mereka yang membuat pertukaran klasifikasi akaun mereka kepada IA sebelum 31 Mei ini, nombor akaun mereka tidak akan berubah dan menikmati perkhidmatan sedia ada.

Tiga pilihan langkah mudah

"Pelanggan akaun deposit Mudarabah sedia ada berpeluang mengklasifikasikan semula akaun mereka kepada IA melalui tiga pilihan langkah mudah iaitu menerusi sistem perbankan internet, Maybank2u (M2U); menghubungi pusat panggilan di 1800-88-2028, maklum balas menerusi surat dan berkunjung ke cawangan Maybank," katanya.

Maybank Islamic kini mempunyai 1.1 juta pemegang akaun deposit Mudarabah. Hanya 367,000 pemegang akaun itu layak untuk mengklasifikasikan akaun mereka kepada IA.

Maybank Islamic adalah peneraju bank Islam di ASEAN dan bank komersial Islam terbesar di Malaysia. Ia menguasai 33 peratus pembiayaan Islam dan 25 peratus deposit setakat Disember 2014.

Asetnya berada pada paras RM146.4 bilion bagi tahun kewangan 2014.